

Attitude Towards Economic Subjects Among Form Six Students in Segamat District Secondary Schools

Sikap Terhadap Subjek Ekonomi dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Daerah Segamat

Muhammad Najmi Hassan^{1*}, Haslina Hassan¹

¹Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/jstard.2021.02.03.003>

Received 30 September 2020; Accepted 30 November 2020; Available online 31 December 2020

Abstract: This study aims to see the extent of the attitude of Form 6 students towards the subject of Economics in three secondary schools in the district of Segamat, Johor. The study was conducted using a questionnaire of 50 items with six-dimensional aspects, namely perceptions of economics teachers, concerns about economics, the importance of economics in society, self-concept in economics, fun in economics, and motivation in economics. Questionnaire data were analyzed using Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 25.0. The findings of the study showed that the respondents have a positive attitude towards the perception of Economics teachers with a mean score of 3.93 with a standard deviation of 0.59. Similarly, the positive attitude of the respondents towards the importance of Economics in society with the highest mean score of 3.94 with a standard deviation of 0.56. Other aspects of the respondents' attitude showed a moderate attitude, namely students' anxiety towards the subject of Economics with a mean of 2.37, self-concept with the subject of Economics with a mean of 3.42, students' enjoyment with the subject of Economics with a mean of 3.15 and student motivation towards the subject of Economics with a mean of 3.14. The overall findings of the study showed that the respondents showed a moderate attitude towards the subject of Economics, that is, the average overall mean score was 3.32 with a standard deviation of 0.73. Although not showing a negative attitude, but most of the respondents did not show a positive attitude towards the subject of Economics. The lowest aspect of moderation is students' anxiety about the subject of Economics.

Keywords: Attitude, economics, sixth grade students, perception

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana sikap pelajar Tingkatan 6 terhadap mata pelajaran Ekonomi di tiga buah sekolah menengah dalam daerah Segamat, Johor. Kajian dilakukan dengan menggunakan soal selidik sebanyak 50 item dengan enam aspek dimensi iaitu persepsi terhadap guru Ekonomi, kerisauan terhadap Ekonomi, kepentingan Ekonomi dalam masyarakat, konsep kendiri dalam Ekonomi, keseronokan dalam Ekonomi dan motivasi dalam Ekonomi. Data soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 25.0. Dapatkan kajian menunjukkan responden mempunyai sikap yang positif kepada persepsi terhadap guru Ekonomi dengan skor min adalah 3.93 dengan sisihan piawai 0.59. Begitu juga dengan sikap positif responden terhadap kepentingan Ekonomi dalam masyarakat iaitu dengan skor min yang tertinggi iaitu 3.94 dengan sisihan piawai 0.56. Aspek-aspek sikap responden yang lain menunjukkan sikap yang sederhana iaitu kerisauan pelajar terhadap subjek Ekonomi dengan min 2.37, konsep kendiri dengan subjek Ekonomi dengan min 3.42, keseronokan pelajar dengan subjek Ekonomi dengan min 3.15 serta motivasi pelajar terhadap subjek Ekonomi dengan min 3.14. Keseluruhan dapatkan kajian menunjukkan responden menunjukkan sikap yang sederhana terhadap subjek Ekonomi iaitu purata skor min keseluruhan adalah 3.32 dengan sisihan piawai 0.73. Walaupun tidak menunjukkan sikap yang negatif, namun sebahagian besar responden tidak menunjukkan sikap yang positif terhadap mata pelajaran Ekonomi. Aspek sikap yang paling rendah sederhana adalah kerisauan pelajar terhadap mata pelajaran Ekonomi.

Kata Kunci: Sikap, ekonomi, pelajar tingkatan enam, persepsi

1. Pengenalan

Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia(STPM) merupakan salah satu daripada dua peperiksaan sistem pra Universiti yang utama bagi kemasukan ke universiti awam yang diselia oleh Majlis peperiksaan Malaysia (MPM). Mata pelajaran Ekonomi Tingkatan 6 adalah antara subjek elektif yang ditawarkan oleh MPM untuk pelajar jurusan sastera. Menurut Tee Shong Pen et. al (2010) dalam buku teks Ekonomi Asas Tingkatan 4, menyatakan ekonomi adalah satu ilmu sains sosial yang mempelajari aktiviti manusia yang berhubung dengan pengeluaran, pengagihan dan penggunaan terhadap barang dan perkhidmatan. Mengikut bahasa Yunani, ekonomi bermaksud ‘aturan rumah tangga’. Ahli ekonomi atau ekonomi pula adalah orang yang menggunakan konsep ekonomi dan data dalam bekerja. Subjek Ekonomi Tingkatan 6 bukanlah mata pelajaran wajib untuk pelajar. Namun begitu, terdapat sekolah menawarkan mata pelajaran Ekonomi sebagai wajib dan tiada pilihan subjek lain bagi pelajar. Ini adalah kerana kekangan bilangan pelajar yang sedikit ataupun opsyen guru yang sedia ada di sekolah. Bilangan sekolah daerah Segamat yang menawarkan subjek Ekonomi adalah sebanyak 8 buah sekolah. Bagi sekolah yang memberi peluang untuk pelajar memilih subjek di Tingkatan 6 pula, mendapati bahawa mendapati kebanyakan pelajar cuba mengelak mengambil subjek Ekonomi. Ini adalah kerana hasil tinjauan perbualan dan pemerhatian mereka dengan pelajar-pelajar yang terdahulu mengambil subjek Ekonomi. Subjek Ekonomi digambarkan sebagai sukar dipelajari dan difahami oleh pelajar-pelajar. Oleh yang demikian para guru perlu mengetahui betapa pentingnya sikap pelajar terhadap subjek Ekonomi bagi membentuk sikap pelajar yang positif serta melibatkan diri dengan aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya ia dapat melahirkan pelajar yang berpengetahuan dalam bidang ekonomi dan dapat mengaplikasikan kemahiran-kemahiran ekonomi dalam kehidupan dan kerjaya mereka.

Kajian ini berfokuskan kepada sikap pelajar dari aspek persepsi terhadap guru ekonomi, kerisauan pelajar terhadap subjek ekonomi, pengetahuan tentang kepentingan ekonomi dalam masyarakat, konsep kendiri, keseronokan mempelajari subjek ekonomi dan akhir sekali motivasi pelajar terhadap subjek ekonomi. Pengkaji telah memilih responden daripada tiga buah sekolah menengah kebangsaan dalam daerah Segamat yang terdapat mata pelajaran Ekonomi peringkat STPM. Sampel sekolah pertama adalah sekolah Gred A yang berada di luar bandar dalam penempatan peneroka FELDA. Semua pelajarnya adalah berbangsa Melayu. Sampel sekolah kedua dan ketiga juga sekolah Gred A dimana terdapat pelajar berbilang kaum.

Kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui sejauh mana sikap para pelajar Tingkatan 6 terhadap subjek Ekonomi setelah mempelajarinya selama sepenggal. Sikap yang positif dapat memungkinkan pengajaran dan pembelajaran Ekonomi menjadi lebih mudah serta komitmen yang tinggi dapat diberikan bagi mendapat pencapaian yang cemerlang dalam subjek ini nanti. Menurut Woodrow dalam kajian Ahmad Fauzi Mohamad (2016), menyatakan bahawa sikap adalah menjadi penentu utama kejayaan dalam sebarang aktiviti pendidikan. Seterusnya sikap yang positif menjadi faktor utama untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan sesuatu program pendidikan. Menurut Kamisah Othman et. al (2017), dalam kajiannya tentang integrasi pembelajaran luar bilik darjah dalam pendidikan sains menyatakan adalah betapa perlunya kajian berhubung dengan sikap terhadap sesuatu perkara kerana melalui sikap yang ditonjolkan, kita dapat membuat perkaitan dengan tingkah laku seterusnya. Sikap yang positif akan memberikan tingkah laku positif seperti menunjukkan minat yang tinggi terhadap ilmu yang disampaikan, sering bertanya, tidak mengantuk dalam kelas atau mengambil bahagian secara aktif dalam semua aktiviti yang dilaksanakan.

Selain itu, sikap adalah sesuatu yang terhasil daripada perasaan, kepercayaan atau pemikiran seseorang terhadap objek psikologi. Seterusnya, Abdul Rahim (2001), mendapati bahawa sikap memberi kesan yang khusus kepada tingkah laku, daya usaha, minat dan kesedaran. Menyedari kepentingan sikap pelajar dalam sesuatu subjek, maka

pengkaji membuat kajian analisa sikap dalam mata pelajaran Ekonomi. Hasil dapatan kajian akan menunjukkan sama ada pelajar-pelajar Ekonomi mempunyai tahap sikap dalam kategori yang tertentu. Ini dapat memandu para guru mata pelajaran Ekonomi mencari pendekatan yang berkesan untuk pelajar-pelajar pada masa akan datang. Menurut Zuhaimy Ismail (2012), guru mempunyai peranan yang amat besar dan perlu mengenali dan memahami sikap pelajarnya terhadap sesuatu mata pelajaran. Guru-guru dapat memahami sikap pelajar dengan lebih baik supaya pelajar dapat menghayati konsep ekonomi, membangunkan kemahiran ekonomi dalam penghidupan sehari-hari serta membentuk pemikiran pelajar yang kritis dan kreatif dalam mata pelajaran Ekonomi.

Dalam menjalankan sesuatu kajian, objektif kajian haruslah diberi perhatian memandangkan ia berfungsi sebagai satu rangka rujukan bagi memastikan pelaksanaan kajian berjalan dengan lancar dan sistematik. Justeru itu, pengkaji telah menetapkan beberapa objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini, iaitu:

- i. Mengenalpasti sikap persepsi pelajar terhadap guru mata pelajaran Ekonomi.
- ii. Mengenalpasti sikap kerisauan pelajar terhadap subjek Ekonomi.
- iii. Mengenalpasti sikap pandangan pelajar tentang kepentingan Ekonomi dalam masyarakat.
- iv. Mengenalpasti sikap konsep kendiri pelajar dalam subjek Ekonomi.
- v. Mengenalpasti sikap minat pelajar terhadap subjek Ekonomi.
- vi. Mengenalpasti sikap motivasi pelajar dalam subjek Ekonomi.

2. Sorotan Karya

Menurut Katz dalam kajian Zulzana bte Zulkarnain et al (2012) bertajuk `Hubungan Antara Minat, Sikap dengan Pencapaian Pelajar dalam Kursus CC310' menyatakan bahawa sikap adalah sesuatu yang mempengaruhi seseorang individu dalam memberi nilai terhadap simbol objek atau apa yang disukai atau tidak. Hasil dapatan menunjukkan bahawa tahap minat pelajar dalam Kursus CC310 adalah tinggi ($\text{min} = 3.79$) dan sikap pelajar terhadap kursus CC301 juga tinggi ($\text{min} = 3.79$). Menurut Haryani bte Rozali (2011) dalam kajian bertajuk `Sikap Pelajar-Pelajar Tingkatan 6 Kolej Sultan Abdul Hamid Terhadap Pelaksanaan Penyelidikan dan Pembangunan (R & D)' menyatakan minda dan sikap saling berkait iaitu minda positif akan menghasilkan sikap yang positif serta akan menggerakkan perubahan sikap dan tingkah laku sesuai dengan matlamat untuk mencapai kecemerlangan. Perubahan sikap juga mesti didahului dengan perubahan minda. Hasil kajian beliau mendapati, pelajar Tingkatan 6 tidak bersikap negatif terhadap pelaksanaan R & D iaitu min keseluruhan adalah 3.02 pada tahap sederhana.

Namun begitu pelajar tersebut mempunyai sikap kebimbangan yang agak ketara terhadap pelaksanaan R & D kerana skor min dimensi kerisauan adalah 2.42 iaitu tahap sederhana. Dalam kajian Kamisah Osman et al. (2007), bertajuk `Sikap Terhadap Sains dan Sikap Saintifik di Kalangan Pelajar Sains' menunjukkan pelajar Matrikulasi memperlihatkan sikap yang lebih positif terhadap kepentingan sains dalam masyarakat ($\text{min} = 3.41$) dan terhadap keseronokan dalam sains ($\text{min} = 3.34$) berbanding dengan pelajar Tingkatan 2 dan 4. Pada masa yang sama, pelajar Matrikulasi merasa kurang risau ($\text{min} = 1.62$) terhadap sains jika dibandingkan dengan pelajar Tingkatan 2 ($\text{min} = 1.76$) dan Tingkatan 4 ($\text{min} = 1.79$). Untuk dimensi persepsi terhadap guru sains, min skor yang diperoleh bagi pelajar Tingkatan 4 ($\text{min} = 2.89$) adalah lebih rendah daripada skor min pelajar Tingkatan 2 ($\text{min} = 3.16$) dan pelajar Matrikulasi ($\text{min} = 3.15$). Bagi dimensi motivasi dalam sains, ketiga-tiga jenis pelajar menunjukkan sikap yang sederhana rendah iaitu min antara 2.80 – 2.65.

3. Metodologi

Kajian ini dilakukan secara kuantitatif. Mengikut Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusuf Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007), statistik deskriptif digunakan untuk menghurai ataupun membuat ringkasan pada maklumat ataupun data yang diperoleh bagi populasi ataupun sampel. Ia biasanya digunakan oleh penyelidik bagi membuat ringkasan pada data. Statistik deskriptif mengandungi carta, graf, jadual dan sebagainya untuk meringkaskan data supaya ia lebih mudah difahami. Bagi soal selidik kajian ini mengandungi tujuh segmen utama. Bahagian A adalah soalan berkaitan dengan maklumat latar belakang iaitu ciri-ciri demografi pelajar seperti jantina, kaum dan mata pelajaran yang diambil. Bahagian B ialah soal selidik bagi mengukur persepsi terhadap guru Ekonomi, Bahagian C tentang kerisauan pelajar terhadap subjek Ekonomi, Bahagian D tentang kepentingan Ekonomi dalam masyarakat, Bahagian E tentang konsep kendiri dalam subjek Ekonomi, Bahagian F tentang keseronokan terhadap subjek Ekonomi dan Bahagian G tentang motivasi pelajar dalam subjek Ekonomi. Soal selidik ini diubahsuai dari kajian Zanaton Iksan, Lilia Halim dan Kamisan Osman (2006). Setiap item terdapat lima pilihan jawapan yang menyatakan darjah persetujuan berbentuk skala lima mata.

Analisis di buat terhadap data yang dikumpulkan secara kuantitatif. Data soal selidik diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 25.0*. Perisian pengaturcaraan SPSS digunakan untuk menganalisis data dalam bentuk statistik kerana ia dapat menghasilkan kiraan yang tepat. Seterusnya ia adalah bebas daripada ralat (Majid Konting, 1990). Statistik deskriptif yang digunakan adalah seperti min, kekerapan, peratusan serta sisihan piawai. Setiap item terdapat lima pilihan jawapan yang menyatakan darjah persetujuan berbentuk skala lima mata. Penyelidik menggunakan skala Likert lima aras untuk pilihan jawapan bagi

setiap jawapan. Persempahan adalah dalam bentuk kekerapan (f), peratusan (%), min dan sisihan piawai. Menurut Rahimah (2006), soal selidik yang menggunakan markat lima mata dalam skala Likert perlu diubah kepada tiga mata untuk memudahkan proses analisis data.

Jadual 1 - Analisa tahap mengikut min

Kategori Tahap	Pemarkatan
Rendah	1.00 hingga 2.33
Sederhana	2.34 hingga 3.67
Tinggi	3.68 hingga 5.00


Sisihan piawai merupakan satu nilai yang diambil kira di dalam sesuatu analisis data deskriptif. Nilai sisihan piawai yang sangat rendah pada item menunjukkan konsensus yang sangat tinggi daripada responden. Manakala nilai sisihan piawai dari tinggi ke sangat tinggi menunjukkan kurangnya konsensus daripada responden (Ramlee dalam kajian Zulzana Zulkarnain 2012).

Jadual 2 - Nilai Sisihan Piawai Terhadap Konsensus Responden

Nilai Sisihan Piawai	Konsensus Responden
0.00 – 0.25	Sangat Rendah
0.26 – 0.50	Rendah
0.51 – 0.75	Sederhana
0.76 – 1.00	Tinggi
> 1.01	Sangat Tinggi

↑ ↓

Konsensus sangat tinggi		Konsensus kurang
-------------------------	--	------------------



Rajah 1 - Kerangka Kajian

3. Dapatan dan Perbincangan

Soal selidik kajian mengandungi sebanyak 44 item. Bahagian A adalah berkaitan dengan latar belakang responden manakala Bahagian B, C, D, E F dan G adalah tentang sikap pelajar terhadap subjek Ekonomi. Keputusan analisa dipersembahkan dalam bentuk jadual statistik bersama dengan nilai frekuensi dan peratus (%). Semua responden adalah pelajar Tingkatan 6 dan mengambil mata pelajaran Ekonomi.

Taburan Responden Mengikut Jantina

Jadual 3 - Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Lelaki	8	16.0
Perempuan	42	84.0
JUMLAH	50	100

Berdasarkan Jadual 3, sebahagian besar responden terdiri daripada pelajar perempuan iaitu seramai 42 orang (84%). Pelajar lelaki pula seramai lapan orang (16%).

Taburan Responden Mengikut Bangsa

Jadual 4 - Taburan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Melayu	31	62.0
Cina	14	28.0
India	5	10.0
JUMLAH	50	100

Berdasarkan Jadual 4, sebahagian besar responden adalah pelajar berbangsa Melayu iaitu seramai 31 orang (62.0%). Pelajar berbangsa Cina seramai 14 orang (28.0%) dan hanya lima orang sahaja pelajar berbangsa India dengan peratusan sebanyak 10.0 %.

Taburan Responden Mengikut Min dan Sisihan Piawai Bagi Melihat Sikap Pelajar Ekonomi Tingkatan 6 Daerah Segamat

Jadual 5 - Taburan Responden Mengikut Min dan Sisihan Piawai Bagi Melihat Sikap Pelajar Ekonomi Tingkatan 6

Aspek	Min	Tahap Skor Min	Sisihan Piawai
Persepsi Terhadap Guru Ekonomi	3.93	Tinggi	0.59
Kerisauan Pelajar Terhadap Subjek Ekonomi	2.37	Sederhana	0.83
Kepentingan Ekonomi dalam Masyarakat	3.94	Tinggi	0.56
Konsep Kendiri dalam Subjek Ekonomi	3.42	Sederhana	0.72
Keseronokan Pelajar Terhadap Subjek Ekonomi	3.15	Sederhana	0.83
Motivasi Pelajar dalam Subjek Ekonomi	3.14	Sederhana	0.83
Purata Skor	3.32	Sederhana	0.73

Persepsi terhadap guru Ekonomi digambarkan sebagai sikap yang ditonjolkan oleh guru-guru Ekonomi sama ada positif atau negatif terhadap pengajarannya di dalam dan luar kelas. Sikap ini akan diperhatikan dan mungkin

mempengaruhi sikap pelajar terhadap Ekonomi. Justeru itu sikap guru adalah penting bagi mendorong sikap pelajar ke arah yang positif. Berdasarkan Jadual 4.4.1, tahap sikap berdasarkan skor min pada persepsi pelajar terhadap guru Ekonomi adalah tinggi atau positif (min = 3.93). Kerisauan pelajar terhadap Ekonomi dapat di tonjolkan melalui kebimbangan, rasa tidak selesa, rasa tertekan, rasa gementar, rasa takut dan mempunyai hasrat yang rendah terhadap subjek Ekonomi. Pelajar yang mempunyai tahap kerisauan yang tinggi menunjukkan sikap pelajar terhadap subjek Ekonomi adalah negatif atau sebaliknya. Dapatkan kajian menunjukkan kerisauan pelajar terhadap subjek Ekonomi adalah sederhana (min = 2.37). Kepentingan Ekonomi dalam masyarakat dapat digambarkan melalui pentingnya dan keperluan ilmu Ekonomi untuk digunakan dalam kehidupan sehari-hari, dalam pekerjaan dan bagi penyelesaian masalah sehari-hari. Kebanyakan responden mencatatkan sikap yang sangat positif dan tinggi (min = 3.94). Konsep kendiri dalam subjek Ekonomi pula ditunjukkan melalui sikap yang ditonjolkan oleh pelajar semasa mempelajari subjek Ekonomi sama ada ketika proses pembelajaran di dalam kelas atau diluar kelas. Dapatkan kajian menunjukkan konsep kendiri dalam subjek Ekonomi adalah sederhana (min = 3.42).

Aspek keseronokan pelajar terhadap subjek Ekonomi dapat dilihat apabila pelajar merasa gembira dan seronok semasa melakukan aktiviti-aktiviti pembelajaran. Keseronokan digambarkan melalui keadaan pelajar di dalam kelas, menjalankan aktiviti latih tubi, bercerita tentang Ekonomi, menonton program Ekonomi dan minat terhadap mata pelajaran Ekonomi. Dapatkan menunjukkan sikap pelajar mengenai keseronokan belajar subjek Ekonomi adalah sederhana (min = 3.15). Akhir sekali tentang aspek motivasi pelajar dalam subjek Ekonomi. Aspek ini memberikan gambaran pelajar akan lebih bermotivasi sekiranya mereka mendapat sokongan sama ada dari dalam diri pelajar sendiri atau dari luar. Hasil kajian menunjukkan motivasi pelajar dalam subjek ekonomi adalah sederhana (min = 3.14). Skor min keseluruhan adalah 3.32 iaitu pada tahap sikap sederhana. Manakala sisihan piawai keseluruhan ialah 0.73 iaitu konsensus responden adalah sederhana.

Perbincangan

Dalam kajian ini, responden yang terlibat dalam kajian kuantitatif secara instrumen soal selidik adalah terdiri daripada 50 orang pelajar dari 3 buah sekolah menengah daerah Segamat. Kesemua responden sedang belajar di Tingkatan 6 dan mengambil mata pelajaran Ekonomi dalam peperiksaan STPM Penggal 1, 2 dan 3. Bilangan responden lelaki adalah seramai lapan orang (16 peratus) dan bilangan responden perempuan adalah seramai 42 orang (84 peratus). Sebahagian besar responden berbangsa Melayu iaitu seramai 31 orang (62 peratus) manakala bangsa Cina adalah seramai 14 orang (28 peratus) dan bangsa India adalah seramai lima orang (10 peratus).

Perbincangan Sikap Pelajar Tingkatan 6 Terhadap Subjek Ekonomi

Analisis dapatkan kajian bertujuan untuk menentukan sikap pelajar-pelajar Tingkatan 6 di tiga buah sekolah menengah daerah Segamat terhadap mata pelajaran Ekonomi Tingkatan 6. Min dan sisihan piawai telah digunakan sebagai skor untuk menentukan tahap sikap pelajar terhadap Mata pelajaran Ekonomi berdasarkan. Terdapat tiga tahap sikap yang dikategorikan iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Tahap tinggi bermaksud sikap yang positif manakala tahap rendah bermaksud sikap yang negatif. Hasil dapatkan menunjukkan responden menunjukkan sikap yang positif kepada persepsi terhadap guru Ekonomi dengan skor min adalah 3.93 dengan sisihan piawai 0.59. Begitu juga dengan sikap positif responden terhadap kepentingan Ekonomi dalam masyarakat iaitu dengan skor min yang tertinggi iaitu 3.94 dengan sisihan piawai 0.56. Aspek-aspek lain sikap responden menunjukkan sikap yang sederhana iaitu kerisauan pelajar terhadap subjek Ekonomi dengan min 2.37 dan sisihan piawai 0.83, konsep kendiri dengan subjek Ekonomi dengan min 3.42 dan sisihan piawai 0.72, keseronokan pelajar dengan subjek Ekonomi dengan min 3.15 dan sisihan piawai 0.83 serta motivasi pelajar terhadap subjek Ekonomi dengan min 3.14 dan sisihan piawai 0.83.

Keseluruhan dapatkan kajian menunjukkan responden menunjukkan sikap yang sederhana terhadap subjek Ekonomi iaitu purata skor min keseluruhan adalah 3.32 dengan sisihan piawai 0.73. Walaupun tidak menunjukkan sikap yang negatif, namun sebahagian besar responden tidak menunjukkan sikap yang positif terhadap mata pelajaran Ekonomi. Aspek sikap yang paling rendah sederhana adalah kerisauan pelajar terhadap mata pelajaran Ekonomi. Responden merasakan kebimbangan dengan subjek ini seperti ketidakselesaan dalam kelas Ekonomi, perkataan 'Ekonomi' tidak digemari oleh responden, rasa tertekan dengan subjek Ekonomi, rasa gementar, kelas Ekonomi menakutkan responden, mempunyai perasaan yang kurang enak dengan subjek ini, hasrat yang rendah untuk belajar Ekonomi dan yang membimbangkan dalam kajian ini adalah terdapat responden yang menyatakan tidak mahu pekerjaan yang berkaitan dengan Ekonomi.

Dapatkan kajian ini telah menunjukkan bahawa keadaan sikap pelajar yang berada dalam kategori sederhana dalam subjek Ekonomi walaupun pelajar amat mengetahui kepentingan Ekonomi dalam keluarga, firma dan negara. Ini jelas menggambarkan sikap pelajar yang tidak positif dalam subjek Ekonomi boleh memberi kesan kepada minat pelajar untuk terus tidak bersikap kritis dan kreatif, tidak aktif di dalam kelas Ekonomi serta tidak mampu meningkatkan kemahiran dalam Ekonomi ke arah yang lebih cemerlang. Budaya belajar subjek Ekonomi yang hanya sekadar untuk tuntutan peperiksaan sedangkan negara memerlukan tenaga teknokrat yang mahir dalam bidang Ekonomi dengan sikap yang positif serta memandang tinggi terhadap bidang Ekonomi. Sekiranya keadaan sikap pelajar seumpama ini berterusan, maka dapat diramalkan gambaran masa hadapan subjek ini yang terpinggir dan tidak akan menjadi pilihan

utama mata pelajaran yang untuk diambil dalam STPM. Usaha dan keprihatinan daripada pihak-pihak yang berkaitan perlu di laksanakan pada masa sekarang demi mencapai ke arah masyarakat yang cekik ilmu Ekonomi.

Implikasi Kajian

Kajian ini mempunyai kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran Ekonomi kepada para pelajar dan para guru. Walaupun sikap pelajar tidak negatif atau tidak pada tahap rendah, maka ini tidak bermaksud bahawa semua pihak boleh menarik nafas lega. Ini adalah kerana sikap pada tahap sederhana pelajar Tingkatan 6 terhadap subjek Ekonomi berkait rapat dengan populariti subjek ini berbanding dengan subjek lain. Mata pelajaran Ekonomi yang berkait rapat dengan permintaan, penawaran, pertukaran mata wang asing, perdagangan antarabangsa, keseimbangan pendapatan, kemiskinan, pengangguran, inflasi, belanjawan dan pelbagai lagi yang perlu dipelajari amatlah berkait rapat dengan hala tuju dan kemajuan firma, institusi kewangan dan ekonomi negara.

Analisis dapatan yang menunjukkan sikap yang sederhana pelajar Ekonomi Tingkatan 6 terhadap subjek ini harus diberi tindakan dan perhatian yang sewajarnya oleh pihak-pihak yang tertentu. Para pelajar perlu didorong, di motivasikan untuk menjadikan subjek Ekonomi sesuatu yang penting dan berguna. Pihak-pihak yang terbabit seperti pembuat dasar, pihak kementerian pendidikan, pihak jabatan pendidikan dan sekolah perlulah merangka suatu program atau cetusan idea untuk meningkatkan kepentingan subjek ini seperti subjek sains dan matematik bagi mencelikkan pelajar dengan ilmu ekonomi ke arah mencapai negara maju menjelang 2020 dengan mempunyai rakyat yang berpendapatan tinggi.

5. Kesimpulan

Mata pelajaran Ekonomi Tingkatan 6 merupakan subjek yang penting walaupun penekanannya hanyalah subjek elektif atau pilihan bagi para pelajar. Pelajar yang mendapat keputusan yang baik dalam subjek ini boleh melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta di dalam atau di luar negara. Kebanyakan negara khususnya negara maju telah menjadikan subjek Ekonomi sebagai subjek wajib kepada pelajar sekolah kerana negara berkenaan menyedari betapa pentingnya masyarakat di dedahkan dengan ilmu yang berkaitan dengan ekonomi. Ini adalah kerana segala apa keadaan yang berlaku di sekeliling kita memerlukan tindakan yang rasional daripada masyarakat seperti kesan kenaikan harga minyak dunia. Masyarakat yang berpengetahuan ilmu Ekonomi dapat berfikir secara kreatif dan kritis dalam apa jua keadaan yang melanda dan bersama-sama mencari jalan penyelesaian kepada sesuatu permasalahan sama ada masalah dalam keluarga, firma atau untuk kebaikan negara.

Hasil penyelidikan ini dapat memberi gambaran sebenar tentang sikap pelajar terhadap subjek Ekonomi. Pihak-pihak tertentu boleh membuat perancangan yang lebih praktikal dan komprehensif agar sikap dan minat pelajar terhadap subjek Ekonomi dapat ditingkatkan, dipupuk dengan berkesan dan mewujudkan suasana pengajaran serta pembelajaran yang menyeronokkan dan bukan suasana yang menakutkan. Pembentukan sikap positif tidak hanya dibebankan kepada guru Ekonomi sahaja malah para pentadbir perlu memikirkan suatu pendekatan yang menggalakkan sikap positif terhadap pelajar yang mengambil subjek Ekonomi. Akhir sekali, diharapkan penyelidikan ini akan dapat memberi maklumat serta gambaran yang jelas tentang sikap pelajar terhadap subjek Ekonomi. Selain itu, diharapkan agar hasil kajian ini dapat digunakan oleh pihak-pihak yang terbabit untuk memperbaiki kelemahan agar tahap keberkesanannya dapat ditingkatkan pada masa akan datang.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas bantuan dan maklumat yang diberikan untuk memastikan kejayaan kajian ini.

Rujukan

- [1] Abdul Rahim Abdul Rashid. 2001. *Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Cergas (M) Sdn Bhd
- [2] A.Mohd Fauzi, A. Abdul Razak, S. Mohamad Iskandar Shah. 2016. *Pengetahuan Aplikasi Kemahiran Pengajaran Dan Penbelajaran Guru Sejarah*. Proceeding 7th International Seminar on Regional Education
- [3] Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Rahim Hamdan. 2007. *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. PTS Professional
- [4] Haryani Rozali, Masyitah Hassan, Shifa Shoib dan Siti Zalekha Ahmad. 2011. *Sikap Pelajar-Pelajar Tingkatan 6 Kolej Sultan Abdul Hamid Terhadap Pelaksanaan Penyelidikan dan Pembangunan*. Kolej Sultan Abdul Hamid
- [5] Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- [6] Kamus Pelajar Edisi Kedua (2008). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka
- [7] K Osman, E Suryawati. 2017. *Integrasi Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) Dalam Pendidikan Sains Murid Terpinggir Di Malaysia: Kerangka Konsep*. Seminar Kebangsaan Sains dan Psikologi dalam Pendidikan

- [8] Mohd Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur.
- [9] Rahimah Shahar. 2006. *Pembangunan Laman Web Sebagai Media Pengajaran di Politeknik Port Dickson : Topik Garis Imbas*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia
- [10] Tee Shong Pen et al (2010) *Ekonomi Asas Tingkatan 4*. Hypersurf Corporation Sdn Bhd.
- [11] Zanaton Iksan, Lilia Halim dan Kamisah Osman. 2006. *Sikap Terhadap Sains dalam Kalangan Pelajar Sains di Peringkat Menengah dan Matrikulasi*. Fakulti Pendidikan UKM. Pertanika J.Soc.Sci. Hum. 14(2) : 131 – 147 (2006)
- [12] Zuhaimy Ismail. 2012. *Teknik Berkesan Mendidik Anak*. UTM Press
- [13] Zulzana Zulkarnain, Mohamed Saim, Roslina Abd Talib. 2012. *Hubungan Antara Minat, Sikap dengan Pencapaian pelajar dalam Kursus CC301 – Quantity Measurement*. Politeknik Port Dickson